



KOPI PAHIT

Faişal bagi kali yang pertama telah melawat London. Musuh-musuhnya bilang Faişal mau minta bantuan Inggeris tetapi unsur yang bercakap itu sendiri, selalu pergi ke Moscow untuk meminta bantuan. Orang-orang Amerika dan Inggeris pernah berkejar-kejar kepada Faişal kerana Faişal beli kapal terbang-kapal terbang dengan bayaran tunai tetapi yang ke Moscow adalah sentiasa berharap berhutang dan mungkin mengemis! Kan berbeza?

*

Lawatan Faişal ke London membuat pula “riwayat baharu” yaitu kononnya Faişal dengan *Queen Elizabeth* ada kena mengena bersekuturan. Ini dijadikan senjata oleh musuhnya. Kemungkinan memang ada kerana Islam telah menjajah di *Spain* dan orang-orang Islam tentu meninggalkan keturunan di sana – dan apa salahnya – dari dahulu ada yang Islam di sana – dan apa salahnya – dari dahulu ada yang seketurunan tetapi ada yang Islam dan ada yang kafir. Mungkin juga ada banyak di negara Firaun orang-orang yang mengaku Arab berasal daripada Yahudi – kan begitu keadaan dunia?!

*

September tahun 1967 telah hampir. Di Malaysia Barat, bulan itu ialah bulan mutlaknya bahasa rasmi di dalam perlembagaan Malaysia. Tahun-tahun sebelum itu biasa sangat meriah sambutan bulan bahasa terutamanya pada tahun yang lalu tetapi, ya tetapi sesudah berlaku “pertelingkahan” mengenai bahasa dan adanya undang-undang bahasa hingga sekarang nampaknya senyap sahaja – tidak ada

rancangan meriah! Patutnya tahun ini lebih hebat! Apakah mengenai bahasa ini orang yang bertanggungjawab sekarang banyak bercakap sahaja – sedikit kerja? Menteri Pelajaran Persekutuan mesti ambil tahukan – ya nasib “Bahasa Jiwa Bangsa”

*

Cerita-cerita “lucah” sekarang bukannya sahaja di dalam buku-buku tetapi juga menjadi siaran yang luas di dalam akhbar Melayu yang diterbitkan di Malaysia Barat – ertinya hal-hal lucah dibaca oleh semua orang dengan terbuka dan ibu bapa tentunya tidak dapat mengawalinya lagi. Buku-buku lucah – caranya tidak tabik kecuali lagi – tidak terselit suatu tujuan dan ajaran pun di dalamnya sedang . . . ya sedang . . . pemerintah Malaysia tidak mau bertindak pada hal dalam masa penjajah dahulu ada undang-undang yang boleh menghukum buku-buku lucah! Apakah jabatan-jabatan di Malaysia yang berkenaan memejamkan mata sahaja? Entahlah!

*

Senator Aisyah Ghani menuntut Kerajaan Malaysia mengambil berat Tuntutan kaum ibu Bukit Bintang Kuala Lumpur supaya “rumah-rumah urut” diharamkan ataupun diadakan peraturan-peraturan ketat. Bagus! Itulah yang dikehendaki tetapi, ya tetapi . . . kalau pemimpin-pemimpin masih ada membuat kenyataan bahawa di dalam masa Konfrontasi orang-orang di Malaysia berfoya-foya, berdansa-dansi dan minum-minum serta berjudi – adakah tuntutan itu mungkin dilayan? Ini hanya pertanyaan sahaja dari **Cemeti al-Farouk**.

Islam Ditindas di Syria Alim-Ulama, Pemimpin-pemimpin Ditangkap DiPenjara dan Disiksa.

Tiap-tiap orang hendaklah berhati-hati membaca suatu rencana yang berfahaman *atheis* (fahaman tidak bertuhan) yang disiarkan oleh Majalah “*Al-Jundī*”, sebuah suara angkatan bersenjata dan kerajaan Syria yang menyeru negara-negara jiran mengadakan kebangkitan-kebangkitan.

Kaum Muslimin di serata dunia dan di negeri-negeri jiran berharap bahawa kerajaan Suria akan menyokong dan membantu kebangkitan-kebangkitan dan menyusun gerakan mereka yang bersesuaian dengan ajaran-ajaran dan kepercayaan Islam.

Tetapi malangnya sebaliknya kerajaan Syria telah menyiksa ulama-ulama yang berdiri tegak mempertahankan Islam daripada arus fahaman tidak bertuhan (*atheis*), menangkap dan memenjara serta menghantarkan mereka di khemah-khemah tahanan.

Al-Shaykh Muhammad Surūr Al-Siban, Setiausaha Agung *al-Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī* di Makkah, dalam siarannya, telah membantah dengan sekeras-kerasnya akan rancangan-rancangan yang dibuat mencabar kepercayaan Islam itu: dan sangat mencela atas tangkapan-tangkapan kepada orang-orang terpelajar Islam dan ulamanya oleh pemerintah yang memerintah di Syria sekarang.

Al-Rābiṭah menyeru umat Islam, kerajaan-kerajaan, raja-raja, ketua-ketua negara, pemimpin-pemimpin dan ulama-ulama Islam di seluruh dunia mengadakan bantahan yang berkesan atas ugutan-ugutan terhadap kepada keyakinan Islam di Syria dan menggunakan segala kebolehan mereka menjauhkan fahaman-fahaman *atheis* yang direncanakan bagi meruntuhkan Islam di negara-negara Islam.